



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 53

Selasa

28 November 2017

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Memohon Pembaikan Jalan Raya dan Pemasangan Lampu
Jalan Persekutuan di Parlimen Pasir Gudang**
– YB. Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad
(Pasir Gudang) [Halaman 1]
- **Isu Penularan Gambar Mangsa Tragedi Ngeri Jatuh Bangunan
yang Tidak Dikaburkan**
– YB. Datuk Rozman Bin Isli (Labuan) [Halaman 3]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 28 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Memohon Pembaikan Jalan Raya dan Pemasangan Lampu
Jalan Persekutuan di Parlimen Pasir Gudang**

2.34ptg.

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan perkara tadbir kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengenai permohonan pembaikan jalan raya dan pemasangan lampu di jalan-jalan persekutuan dalam kawasan Parlimen Pasir Gudang.

Keadaan Lebuh raya Pasir Gudang (FT17) ini amatlah gelap, terutamanya di kawasan projek naik taraf Lebuh raya Pasir Gudang Fasa 2A. Terdapat tiang-tiang sedia ada di sepanjang lebuh raya tersebut tetapi tiada lampu yang dipasang. Keadaan ini amatlah merbahaya bagi pengguna lebuh raya tersebut, terutamanya penunggang motosikal. Beberapa insiden kemalangan telah dilaporkan di kawasan.

Pasir Gudang juga sering mendapat tumpuan di media sosial kerana jalan-jalan yang rosak di kawasan Pasir Gudang. Selain daripada jalan rosak di Lebuh raya Pasir Gudang FT17 (di luar dan dalam kawasan Projek Fasa 2A), keadaan jalan pesisiran pantai (FT35) juga berada dalam keadaan yang teruk. Jalan-jalan yang berlubang ini sering mengakibatkan kemalangan dan menyebabkan kenderaan pengguna jalan rosak. Kerja-kerja *patching* sering dijalankan tetapi hasilnya amat mendukacitakan kerana ia tidak bertahan sehingga dua minggu pun.

Saya amat berbesar hati sekiranya pihak Kementerian Kerja Raya dapat melihat perkara ini dengan serius. Saya juga meminta agar pihak pelaksana jabatan berbincang dengan pemimpin setempat terlebih dahulu supaya pihak kami dapat memberikan maklumat berkenaan jalan rosak dan lawatan tapak boleh dilakukan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan Lebuhraya Pasir Gudang, FT17 melibatkan jarak sepanjang 29.8 kilometer, manakala bagi FT35 iaitu Jalan Permas Jaya ke Pasir Gudang melibatkan jarak sepanjang 13.4 kilometer. Dua laluan ini terletak di dalam Daerah Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, Projek Naik taraf Persekutuan Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 2A adalah sepanjang tujuh kilometer iaitu dari Seksyen 16 hingga Seksyen 23.5 dan hanya 4.5 kilometer mempunyai lampu jalan sedia ada. Kejadian lampu tidak dipasang atau menyala di sebahagian 4.5 kilometer ini adalah berpunca daripada kekerapan berlaku kecurian kabel elektrik di beberapa *feeder pillar*, dengan izin, TNB. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor telah diarahkan untuk menyelesaikan isu ini dengan secepat mungkin. Kerja-kerja pemasangan lampu di bawah *nominated sub-contractor*, dengan izin, bagi baki 2.5 kilometer di jadual bermula pada bulan Januari tahun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan kerja-kerja tampalan atau *patching*, dengan izin, untuk jalan berlubang tidak tahan lama, ia adalah langkah pembaikan sementara sahaja. Sebagai tindakan pembaikan jangka panjang, kerja-kerja *reconstruction*, dengan izin dan *resurfacing*, dengan izin, bagi jalan sedia ada dalam jajaran pakej 2A hanya akan dilaksanakan setelah lorong ketiga siap dibina kerana ia melibatkan penutupan sebahagian jalan sedia ada. Kerja-kerja *reconstruction*, dengan izin dan *resurfacing*, dengan izin, dijadual bermula pada bulan Januari tahun 2018.

Bagi isu penyenggaraan jalan, untuk tahun 2015 hingga 2017 Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan peruntukan bagi kerja-kerja penyenggaraan yang meliputi skop penyenggaraan rutin, kerja berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement* sebanyak RM4.5 juta untuk laluan FT17. Manakala untuk laluan FT35 pula, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi kerja-kerja penyenggaraan tersebut adalah sebanyak RM4.7 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat serta memberikan keselesaan kepada pengguna jalan raya. Sehubungan itu, kementerian tiada halangan untuk kerjasama dengan pemimpin setempat dan menjalankan lawatan tapak untuk perancangan kerja penyenggaraan tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1440

Isu Penularan Gambar Mangsa Tragedi Ngeri Jatuh Bangunan yang Tidak Dikaburkan

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia mengenai tindakan penyebaran gambar mangsa tragedi ngeri melibatkan seorang pemuda yang berasal daripada Wilayah Persekutuan Labuan, David William Cornish Underwood @ Jabba. Pada bulan April 2017, beliau mati akibat terjatuh dari tingkat 14 sebuah bangunan di Taman Bukit Mandarin, Cheras, Kuala Lumpur pada April 2017 tersebut.

Tindakan orang awam bersimpati dengan cara menyebarkan gambar-gambar mangsa adalah seolah-olah tidak menjaga kehormatan mangsa yang sudah meninggal dunia sebagaimana ketika mereka masih hidup kerana mereka juga mempunyai hak untuk dilindungi. Keperluan untuk mengekang penyebaran gambar di media arus perdana adalah perlu sebagai langkah menutup aib atau kecacatan seseorang.

Oleh itu, adakah kementerian akan menggubal suatu rang undang-undang dengan menamakan sebagai 'Jabba's Law' bagi mengekang dan mengehadkan tindakan penyebaran gambar-gambar jasad yang tidak bernyawa sebagai langkah menghormati sensitiviti dan keperitan keluarga. Sekian, terima kasih.

2.41 ptg.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, media penyiaran dan media sosial di Malaysia tertakluk kepada peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588). Di samping itu, stesen televisyen swasta juga dikenakan syarat tambahan melalui syarat lesen Pemberi Aplikasi Kandungan Individu (CASP-I), dan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia, manakala

RTM dikenakan Kod Etika Penyiaran RTM bagi memastikan media penyiaran dan media sosial di Malaysia mengekang dan menghadkan pelaporan berita yang mengandungi visual yang menyentuh sensitiviti keluarga mangsa yang terlibat.

Tindakan penguatkuasaan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran syarat lesen dan ketidakpatuhan kepada Akta 588. Perkara ini turut diselarikan dengan tindakan berbentuk pentadbiran seperti mengeluarkan surat berbentuk nasihat dan peringatan kepada para pengamal media televisyen sama ada RTM atau swasta dan media sosial bagi pelanggaran peruntukan seperti kesalahan di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, media arus perdana bagi kategori media cetak tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN). Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 digubal untuk mengawal selia penggunaan mesin cetak dan pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Mengikut seksyen 7(1) akta ini, hasil penerbitan yang tidak diingini merangkumi apa-apa makalah, karikatur, fotograf, laporan, nota, tulisan, bunyi, muzik, kenyataan atau apa-apa perkara lain yang mengikut apa-apa jua cara memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai, atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara. Hasil penerbitan tersebut boleh dikenakan tindakan perintah larangan atau apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri Dalam Negeri melalui penyiaran dalam Warta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, satu Garis Panduan Penerbitan telah disediakan oleh KDN untuk memberi penerangan dan penjelasan berkenaan hasil penerbitan tidak diingini yang digariskan di bawah seksyen 7(1) akta tersebut. Di bawah perkara 4.2.12 dalam Garis Panduan Penerbitan tersebut, gambar ngeri kejadian yang benar-benar berlaku akibat kemalangan, perang atau pengeboman memang tidak dibenarkan dan penerbit boleh dikenakan tindakan.

Justeru, undang-undang sedia ada dilihat memadai dan boleh diguna pakai dalam menangani penyiaran kandungan berita dan hal ehwal semasa seperti laporan mangsa tragedi ngeri di atas. Oleh itu, tiada keperluan pada masa kini untuk penggubalan undang-undang khusus untuk menangani isu ini secara khusus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 29 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.45 petang]